

**BH**  
Berita Harian

# VARSITI

## Parlimen Mahasiswa semai budaya perbahaasan

**Bangi:** Aksi Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ikhwan A'zim Ishak ketika menjawab soalan yang dikemukakan perwakilan pada Persidangan Parlimen Mahasiswa UKM 2015, baru-baru ini.

UKM muncul universiti awam kedua selepas Universiti Sains Malaysia (USM) menubuhkan Parlimen Mahasiswa yang menjadi medan bagi menyemai budaya perbahaasan secara intelektual, sekali gus melahirkan mahasiswa berkualiti, berfikiran kritis dan idealis sebagai pelapis kepemimpinan negara.

